



NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN PEMBAYARAN MELALUI JOMPAY

Berkuatkuasa 3 Mei 2021, LPPSA akan menutup operasi penerimaan bayaran balik pembiayaan secara atas talian (*online*) melalui JOMPAY. Sehubungan itu, bagi pelanggan yang ingin membuat sebarang **urusan bayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA secara sendiri** boleh menggunakan salah satu daripada kaedah berikut: -

1. Bank Deraf atas nama 'LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM';
2. Bayaran tunai di Kaunter CIMB seluruh Malaysia;
3. Mesin layan diri CIMB Bank - ATM, Deposit Tunai dan Deposit Cek;
4. *Online* melalui Interbank Giro (IBG), Pindahan Segera Wang Bank (IBFT), RENTAS;
5. Maybank2U; atau
6. CIMBClicks.

Sila pastikan pembayaran dibuat menggunakan **Nombor Akaun Maya dengan tambahan angka '98'** di hadapan Nombor Akaun Pembiayaan sedia ada bagi pembayaran melalui kaedah-kaedah di atas.

Contoh:

Nombor Akaun Pembiayaan Sedia Ada <i>*Nombor ini kekal dan tidak berubah</i>	Nombor Akaun Maya
655001234567	98655001234567

Bagi pelanggan yang membuat bayaran balik melalui potongan akaun bank secara automatik setiap bulan (*Standing Instruction*), **pelanggan diminta untuk memaklumkan Nombor Akaun Maya kepada pihak bank yang berkenaan** bagi memastikan potongan akaun bank dapat diteruskan setiap bulan dan mengelakkan berlakunya tunggakan ke atas akaun pembiayaan LPPSA pelanggan.

Maklumat lanjut mengenai tatacara pembayaran secara *online* boleh dirujuk dalam Laman Web Rasmi LPPSA di <http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online>.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

16 APRIL 2021